

**AMALAN SALAWAT SYIFA' DI NEGERI SELANGOR: SATU PENILAIAN  
MENURUT KAEDAH TATA BAHASA ARAB DAN PRINSIP ISLAM**

**Oleh:  
Azwira Abdul Aziz  
Pusat Pengajian Umum  
Universiti Kebangsaan Malaysia**

**ABSTRAK**

*Salawat Syifa'* adalah sejenis salawat yang diucapkan sebagai zikir atau doa ke atas junjungan Nabi Muhammad s.a.w. Salawat ini semakin terbudaya dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia, khususnya di negeri Selangor, sebagai zikir jampian atau doa selepas solat. Penilaian terhadap salawat ini wajar dilakukan kerana sumbernya tidak diketahui sedangkan pengertiannya pula dikatakan ada kekeliruan. Penilaian ini dilakukan sebagai satu usaha untuk memartabatkan prinsip tauhid di samping memurnikan amalan masyarakat Melayu Islam dari sebarang unsur syirik. Lafaz salawat itu dinilai melalui kaedah nahu bahasa Arab bagi menentukan pengertian sebenarnya, berdasarkan kedudukan *i'rab* (parsing) setiap kalimahnyanya. Pengertian itu pula kemudiannya dinilai berdasarkan prinsip akidah dan syariat bagi menentukan sejauh manakah kewajarannya sebagai amalan. Hasil penilaian ini menunjukkan memang ada kemusykilan pada lafaz salawat tersebut dari segi pengertiannya yang dilihat menyalahi prinsip tauhid, *Maqasid Syar'iyah* dan sunnah Nabi Muhammad s.a.w. Oleh yang demikian menafikan kewajaran mengamalkannya.

Kata kunci: Selangor ; Salawat Syifa ; Bahasa Arab ; Islam